

## Perisian tiruan punya pasal



ANGGOTA penguatkuasa melakukan pemeriksaan ketika Operasi perisian tiruan oleh KPDNHEP Selangor Cawangan Kajang di sekitar Bangi. FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

**Nurul Hidayah Bahaudin**

*nurul.hidayah@hmetro.com.my*

GUNA perisian tiruan bagi mengelak pembayaran lebih tinggi untuk perisian asli sekali gus mengaut keuntungan berganda.

Itu taktik digunakan sebuah syarikat kejuruteraan awam di Seksyen 9, Bangi yang dikesan menggunakan perisian tiruan sejak kira-kira setahun lalu.

Bagaimanapun helah itu terbongkar selepas serbuan dilakukan tujuh pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kajang, Selangor diketuai Mohamad Sani Mohammad Nor pada jam 12.15 tengah hari, semalam.

Pengarah KPDNHEP Selangor Muhammad Zikril Azan Abdullah berkata, serbuan itu dilakukan hasil maklumat daripada pemilik hak cipta perisian berkenaan.

"Hasil serbuan dan pemeriksaan dilakukan, kami berjaya mengesan beberapa salinan perisian komputer disyaki tiruan diguna pakai oleh syarikat berkenaan.

"Kami turut menyita beberapa set komputer dianggarkan bernilai RM40,000 bagi membantu proses siasatan," katanya ketika ditemui di lokasi serbuan, semalam.

Muhammad Zikril berkata, bagi kes membabitkan perisian tiruan, pihaknya banyak mengesan syarikat yang menggunakannya kerana mahu mengurangkan kos pembayaran harga asal yang lebih tinggi.

"Ada di antara perisian digunakan syarikat besar dijual pada harga RM50,000 hingga mencecah RM100,000 bergantung kepada perisian.

"Namun, mereka (pemilik syarikat) mengambil jalan singkat dengan menggunakan perisian tiruan kerana harga jauh lebih rendah.

"Ia sekali gus membolehkan mereka mengaut keuntungan berlipat kali ganda kerana hanya perlu mengeluarkan kos jauh lebih rendah berbanding menggunakan perisian asli," katanya.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Akta Hakcipta 1987.

"Jika didapati bersalah, pemilik syarikat boleh didenda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak lebih RM20,000 bagi setiap satu salinan perisian atau dikenakan hukuman lima tahun penjara atau kedua-duanya," katanya.

**Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 10 Mac 2020 @ 7:41 PM**

